

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS (BUKAN LISAN)
DARIPADA : TUAN WONG CHEN (KELANA JAYA)
TARIKH : -
SOALAN : 508**

TUAN WONG CHEN (KELANA JAYA) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian setuju bahawa 'Milo' yang mempunyai kandungan gula yang tinggi adalah tidak sihat bagi anak-anak kami dan boleh menyebabkan obesiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpandangan, semua minuman yang mempunyai kandungan gula yang tinggi adalah tidak sihat dan sekiranya diambil berlebihan boleh menyumbang kepada masalah obesiti. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan pengambilan gula ringkas tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah kalori seharian. Sebagai contoh, bagi kanak-kanak sekolah rendah anggaran keperluan kalori seharian adalah sebanyak 1500 kcal. Ini bermakna kanak-kanak sekolah rendah hanya boleh mengambil 7-8 sudu teh gula (35-40g) dalam sehari termasuk gula yang ditambah ke dalam kuih-muih, coklat, ais krim dan minuman manis seperti Milo. Secawan milo (200 ml) yang dibancuh dengan 30g sebuk

milo (5 sudu teh) dan air kosong mengandungi 12.2g (lebih kurang 2 ½ sudu teh) jumlah gula. Jumlah gula dalam 1 cawan milo akan bertambah jika ia dibancuh dengan susu pekat manis atau bahan-bahan lain. Oleh itu, kuantiti pengambilan dan kaedah penyediaan perlu dikawal bagi mengelakkan pengambilan gula berlebihan dalam diet seharian.

Bagi menggalakkan penghasilan produk makanan dan minuman yang lebih sihat, perundingan bersama pihak industri makanan dilakukan secara berkala di peringkat kementerian. Melalui perundingan ini, kerjasama industri untuk melakukan reformulasi dan formulasi produk makanan dan minuman yang kurang kandungan gula, garam dan lemak diberi penekanan. Selain itu, strategi mengurangkan pengambilan gula terutamanya minuman bergula dilaksanakan melalui program KOSPEN yang menggariskan pengasingan gula semasa penyediaan minuman pada setiap majlis yang diadakan di peringkat komuniti.